

Labuan FSA penaja utama Majlis Penghargaan Graduan UMSKAL

UB 21.11.2013 B4

LABUAN: Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) menjadi penaja utama Majlis Penghargaan Graduan (MPG) 2013 Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) yang akan diadakan pada 23 November ini di Kota Kinabalu.

Pengarah UMSKAL, Prof Madya Ismail Ali berkata Labuan FSA sekali lagi menyatakan komitmen mereka untuk memastikan program tahunan itu berjalan

lancar.

Beliau yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah mengucapkan terima kasih kepada Ketua Pengarah Labuan FSA, Ahmad Hizzad Baharudin yang bersetuju untuk menjadi penaja utama serta penganjur bersama MPG 2013.

"UMSKAL sangat mengalu-alukan dan mengucapkan terima kasih kepada Labuan FSA atas komitmen mereka

untuk menjayakan Majlis Penghargaan Graduan UMSKAL 2013," katanya.

Majlis Penghargaan Graduan 2013 akan dikendalikan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL) yang diketuai Dekannya, Dr Ag Asri Ag Ibrahim selaku Pengerusi Jawatankuasa Penganjur MPG 2013.

Ismail berkata seramai 25 pelajar terbaik SSIL dan Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL) akan

menerima anugerah masing-masing pada majlis itu yang akan bermula jam 7 malam.

Katanya majlis penyampaian anugerah akan disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah bersama Ahmad Hizzad.

Beliau berkata selain Labuan FSA, MPG akan turut ditaja oleh 15 syarikat kewangan luar pesisir, institusi kewangan, syarikat perkapalan dan syarikat minyak nasional.



ISMAIL



MOHD HARUN



AHMAD HIZZAD